

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Usaha Jabatan Perhutanan perkasa pengurusan hutan mapan berterusan | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 06 Apr 2016 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 17,812 |
| Page No | 10 | Readership | 53,436 |
| Language | Malay | ArticleSize | 666 cm ² |
| Journalist | ALIZA ALAWI | AdValue | RM 1,322 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,966 |



Usaha Jabatan Perhutanan perkasa pengurusan hutan mapan berterusan

OLEH ALIZA ALAWI
(alawi.aliza@gmail.com)

SANDAKAN: Usaha Jabatan Perhutanan Sabah dalam merangka perancangan dalam memperkasa pengurusan hutan mapan di negeri ini adalah berterusan.

Timbalan Pengarah Perhutanan Sabah (FSP), Frederick Kugan, berkata ianya termasuk dalam hala tuju perhutanan sosial di Sabah.

Hala tuju itu antara tiga tunggak pengurusan hutan yang mapan dengan memastikan semua hutan di Sabah diurus secara kekal dan ianya perlu dipenuhi dengan 3 tonggak utama iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar.

"Perhutanan sosial berperanan penting dalam menyumbang kepada pengurusan hutan secara mapan, faktor keselamatan makanan, menangani perubahan iklim dan memenuhi keperluan sosio-ekonomi penduduk luar bandar," katanya.

"Bagi perhutanan sosial di Sabah, ia juga telah dan sedang dijalankan di mana ia juga antara tonggak penting dalam pengurusan hutan yang terbaik di negeri ini yang juga dalam usaha berterusan melestarikan perhutanan negeri," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Pengarah Perhutanan Negeri Sabah, Datuk Sam Mannan, merasmikan Bengkel Pembangunan Hala Tuju Nasional Mengenai Perhutanan Sosial di Sabah, yang berlangsung di Rainforest Discovery Centre (RDC), Batu 14, Sandakan, kelmarin.

Bengkel anjuran Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) itu diadakan dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), ASEAN Social Forestry Network (ASFN) dan Southeast Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA).

Ia juga turut dianjurkan dengan kerjasama Sabah Social Forestry Working Group (SASOF), Non-Timber Forest Product – Exchange Programme (NTFP-EP), Partners of Community Sabah (PACOS) Ttust dan Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS) serta Ridge To Reef.

Bengkel berkenaan diadakan untuk merangka Definisi dan Pembangunan Hala tuju Perhutanan Sosial di Sabah (Social Forestry Roadmap for Sabah 2017 – 2026).

Hasil dari bengkel itu juga akan digabungkan oleh FRIM yang diberi tanggungjawab oleh NRE dan diselaraskan bersama dengan hala tuju Perhutanan Sosial Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi membentuk satu Hala tuju Perhutanan Sosial di Malaysia.

Seramai 60 peserta bengkel terdiri daripada jabatan, agensi kerajaan, akademik, CSO/NGO, sektor swasta dan orang kampung menghadiri bengkel tiga hari yang berlangsung di RDC Sandakan itu hingga Khamis ini.

Dalam pada itu, Frederick berkata, menjelang tahun 2025, JPS juga mempunyai visi yang perlu dicapai antaranya 30 peratus hutan dilindungi secara total dengan jumlah hektar hutan itu juga disasar meningkat berbanding jumlah terkini.

Selain itu, semua hutan simpan juga akan dipersijilkan menjelang tahun 2025 mengikut sistem yang dilaksanakan oleh JPS dalam pengurusan hutan mapan iaitu dari segi memantau, perlindungan dan hal-hal berkenaan pengurusan hutan yang terbaik.

"Ini salah satu langkah pertama yang diambil sejak konsep pengurusan (SFM) diperkenal pada tahun 1997 dimana ia membawa hasil dari segi membawa perlindungan hutan di Sabah yang boleh dibanggakan hingga kini," tambahnya.

Jelas beliau, JPS juga melaksanakan konsep komuniti kompeten (concept community competent) yang mana kawasan dikenal pasti diberi lesen kepada pemegang lesen termasuk pelesen jangka panjang bersama penduduk melakukan kerjasama mengurus hutan secara baik dan menghutangkan semula hutan.

Setakat ini, jabatan itu sudah mengepal pasti 20 ribu hektar tanah di seluruh negeri Sabah yang mana hutan itu mampu memberi produksi yang baik di mana ia juga salah satu mekanisme penduduk setempat duduk di kawasan itu dalam harmoni.

"Apa sahaja aktiviti yang boleh dilaksanakan berdasarkan pengurusan hu-

tan mapan di hutan simpan dengan tempoh permit menduduki, penduduk yang tinggal di kawasan hutan simpan itu dengan tempoh yang dibenarkan juga membantu menghutangkan semula hutan di kawasan itu," ujarnya.

Jabatan Perhutanan Sabah telah melabur dan melaksanakan beberapa projek berkenaan sejak Projek Tabung Perhutanan Masyarakat dimana hasilnya dari kutipan SES juga digunakan untuk pembangunan komuniti dan tertumpu kepada komuniti yang tinggal di hutan terbabit dengan anggaran kira-kira 400 buah kampung seluruh Sabah juga terlibat dalam usaha itu.

Jabatan Perhutanan Sabah juga memberikan peruntukan melaksana pelbagai aktiviti pemuliharaan hutan selain menyediakan infrastruktur asas antaranya rumah kepada penduduk dan yang berke naan.

Dalam pada itu, JPS juga dalam usaha mewujudkan Kampung Taukey dimana penduduk diberi kontrak hutan kan semula hutan di mana kira-kira RM27 juga sudah diberikan peruntukan kepada beberapa individu untuk menghutangkan semula hutan itu.

Diharapkan, jalinan kerjasama dengan komuniti itu, lebih ramai lagi membangunkan kemahiran keushawaman dari konteks tanam semula hutan, ujar Frederick.

Sementara itu, JPS juga melaksanakan pelbagai usaha dalam pengurusan hutan di negeri ini termasuk melaksanakan Sabah Environment Education Network (SEEN) yang dijalankan dengan agensi yang lain dimana tenaga pengajar (guru) dilatih dan mereka yang terlatih ini yang akan menjadi tenaga pengajar kepada murid dan pelajar sekolah yang menjurus kepada pendidikan alam sekitar dan pencapaian itu juga membanggakan.

Selain itu, Frederick berkata, JPS juga memperkenan Renjer Kehormat Hutan yang sehingga kini terdapat 114 renjer telah dilatih dan ia akan diteruskan dalam masa akan datang dan renjer ini juga antaranya bertugas mencegah aktiviti pemburuan haram dan yang berkenaan selain mereka juga menjadi mata dan telinga kepada JPS dalam usaha melestarikan hutan dan alam sekitar.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Usaha Jabatan Perhutanan perkasa pengurusan hutan mapan berterusan | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 06 Apr 2016 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 17,812 |
| Page No | 10 | Readership | 53,436 |
| Language | Malay | ArticleSize | 666 cm ² |
| Journalist | ALIZA ALAWI | AdValue | RM 1,322 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,966 |

